

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MALAM ANUGERAH BERITA DAN EHWAL SEMASA TV3
DI TV3
27 JANUARI 2001

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kesudian pihak TV3 menjemput saya ke majlis yang amat istimewa bagi petugas-petugas di Divisyen Berita dan Ehwat Semasa pada malam ini.

2. Saya difahamkan majlis julung kali ini diadakan khas untuk menghargai hasil-hasil kerja para wartawan dan seluruh warga kerja di divisyen ini. Bagi saya ini adalah satu usaha yang baik dan boleh memberi motivasi kepada petugas-petugas di divisyen berita. Saya percaya dengan adanya anugerah seumpama ini, wartawan-wartawan TV3 sentiasa mempunyai semangat yang tinggi untuk menghasilkan produk yang terbaik.

3. Bagaimanapun, saya berharap anugerah ini tidak berakhir di sini sahaja. Mungkin selepas ini pihak TV3 boleh menjalin kerjasama dengan stesen-stesen televisyen lain untuk mewujudkan satu anugerah media penyiaran yang lebih besar. Persaingan sihat seumpama ini patut digalakkan untuk kebaikan dunia kewartawan kita.

4. Sebagai stesen swasta, bolehlah saya katakan bahawa TV3 telah melakukan yang terbaik untuk penonton di negara ini malah stesen ini merupakan stesen yang paling popular. Sajian programnya baik dari segi hiburan ataupun pengetahuan berjaya memikat penonton dan para pengiklan. Bukan setakat itu, siaran berita di Duniamu TV3 juga turut mendapat tempat di kalangan penduduk di negara ini. Saya diberitahu rating untuk Buletin Utama mencecah melebihi 2 juta setiap malam.

5. Sebagai penonton saya sendiri mengaku persembahan berita TV3 mempunyai tarikannya yang tersendiri, lebih-lebih lagi dengan kemunculan para wartawan dalam laporan-laporan berita tertentu untuk memberi impak kepada penonton.

6. Maklumat merupakan elemen atau unsur yang penting dalam pembangunan negara. Negara yang menguasai maklumat melalui teknologi yang maju akan menguasai antara lain sektor pendidikan dan pembangunan intelek, ekonomi, politik, sosio-budaya dan dalam suasana ekstrem, berupaya mengawal minda dan pemikiran manusia global.

7. Dunia penyiaran di Malaysia tidak hanya dimonopoli oleh sebuah stesen sahaja. Semakin kita berkembang, beberapa stesen televisyen baru telah muncul, contohnya Astro dan ntv7. Mereka masing-masing mempunyai misi yang tersendiri untuk memenuhi citarasa penonton. Sementara itu RTM sebagai stesen televisyen kerajaan dan stesen yang pertama di negara ini sentiasa memperbaiki diri untuk bersaing dengan stesen-stesen swasta.

8. Ini adalah perkembangan yang sihat. Bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa memantau setiap kandungan program yang disiarkan. Keharmonian kaum, agama dan negara harus dipelihara. Meskipun kita berada di ambang kemajuan kita tidak boleh mengangkat kebebasan yang diamalkan oleh barat. Media penyiaran memainkan peranan penting dalam soal ini memandangkan pengaruhnya yang kuat terhadap penonton.

9. Ada yang berpendapat dengan kemunculan multi-media, kegemilangan televisyen akan berakhir. Namun andaian itu ternyata tidak benar. Televisyen tetap menjadi saluran hiburan dan maklumat yang berpengaruh.

10. Sebelum ini pun, ada juga yang khuatir kemunculan radio akan mematikan surat khabar. Begitu juga apabila televisyen muncul, ramai yang menyangka radio tidak lagi menjadi media popular. Pandangan-pandangan ini nampaknya tidak menjadi kenyataan. Radio misalnya terus wujud bahkan semakin banyak stesen radio baru yang muncul dalam era multi-media ini.

11. Begitu juga dengan televisyen, ia masih menjadi penyampai maklumat yang dominan. Di Amerika, televisyen telah muncul sebagai alat yang berkesan untuk mendekati pengundi. Untuk kempen pilihanraya Presiden Amerika tahun 2000, pengurus kempen tidak cenderung mendapatkan sukarelawan untuk membuat kempen rumah ke rumah atau membuat perhubungan secara langsung dengan pengundi. Sebaliknya mereka lebih gemar mencari sukarelawan bagi membantu mereka mendapatkan dana untuk iklan di televisyen.

12. Sesungguhnya sama ada media elektronik atau cetak, masing-masing mempunyai lubuk pasarannya sendiri. Yang kuat akan terus berkuasa merajai penonton dan pendengar. Hanya yang lemah akan berundur. Bagaimanapun globalisasi turut menarik penonton tempatan ke stesen-stesen televisyen luar. Berpuluh-puluh program luar dapat ditonton oleh kita setiap hari.

13. Inilah cabaran besar yang perlu kita hadapi ke arah pembinaan bangsa Malaysia. Dunia tanpa sempadan sedikit sebanyak telah menjadi penghalang untuk membina bangsa Malaysia seperti yang digariskan oleh Wawasan 2020. Dalam wawasan ini, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju yang bersatu padu mengikut acuannya sendiri. Bagaimanapun ia sukar untuk direalisasikan jika terdapat banyak tekanan dan pengaruh yang tidak sihat dari luar.

14. Kita bukan sahaja menjadi warganegara Malaysia tetapi juga warga global yang mempunyai kecenderungan untuk tunduk kepada tekanan dan tarikan luar. Dengan kata lain, globalisasi mempunyai kesan yang positif dan negatif. Tetapi ini tidak bermakna kita harus menyerah kalah kepada keadaan. Sebagai sebuah negara yang sudah lama merdeka, mentaliti rakyat Malaysia sepatutnya kuat untuk menghadapi segala yang mungkin.

15. Kita sepatutnya bukan sahaja menjadi pengikut tetapi juga menjadi pembentuk agenda yang disegani. Maksudnya, kita mahu menjadi sebatang pokok yang rendangnya dapat dinikmati di merata tempat di dunia.

16. Dalam aspek ini televisyen memainkan peranan yang cukup penting, sesuai dengan peranannya sebagai pendidik, penyebar maklumat dan penghibur. Televisyen seharusnya berupaya untuk menyemai nilai-nilai positif sejajar dengan kehendak negara, tetapi tentulah dengan tidak mengkompromi kualiti dan kebenaran.

17. Yang penting TV3 dan juga stesen-stesen yang lain tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Meskipun program yang boleh menaikkan rating dan mendapat iklan yang banyak menjadi keutamaan, tanggungjawab terhadap bangsa dan negara tidak harus diabaikan. Di sinilah TV3 harus bijak untuk mengimbangi kepentingan komersial dan tanggungjawab sosialnya.

18. Masyarakat kita memang lebih gemar kepada hiburan. Kerana itu program-program hiburan mudah mendapat iklan, tetapi sebagai stesen televisyen yang bertanggungjawab, TV3 sepatutnya tidak hanya melayan selera penonton, sebaliknya menjadi pembentuk agenda kepada mereka.

19. Selepas 16 tahun, TV3 nampaknya telah menjalankan tugasnya dengan baik. Berita, maklumat dan hiburannya menjadi tontonan ramai terutama sekali di luar bandar dan pinggir kota atau semi urban. Saya rasa selepas ini, TV3 harus berusaha untuk mendapatkan penonton bandar, muda dan profesional.

20. TV3 perlu memikirkan strategi dan program yang berkualiti untuk kumpulan penonton ini. Memang tidak mudah memandangkan mereka ini lebih terdedah kepada program-program televisyen luar yang dianggap mereka menarik dan bermutu. Namun TV3 harus muncul sebagai sebuah stesen televisyen terbaik untuk menyedarkan golongan ini bahawa yang baik bukan hanya datang dari luar sahaja.

21. Organisasi media harus menekankan aspek-aspek teknologi yang boleh mempertingkatkan proses dan operasi, memberi fokus terhadap kerjasama di kalangan sumber manusia, rakan kongsi dan menggalakkan tenaga sumber manusia mempelajari dan menggunakan teknologi baru. Adalah dirasakan bahawa pihak pengurusan organisasi media harus mempunyai wawasan, berupaya berfikir secara silang budaya, menarik perhatian manusia kreatif dan memperkembangkan organisasi kreatif tentang mutu produk.

22. Persekitaran komersial dalam organisasi media di peringkat global kini semakin bergolak akibat daripada perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat. Pihak pengurusan tidak boleh mengetepikan impak perkembangan tersebut dalam industri. Oleh itu imaginasi, kreativiti, inovasi dan keberanian menjadi semakin penting. Lihat sahajalah 'Mergers and Acquisitions' yang terbaru di kalangan konglomerat transnasional seperti percantuman dua gergasi Time Warner dan AOLbaru-baru ini. Perdagangan media di kalangan empayar media hari ini diterajui oleh lebih kurang 20 syarikat yang termasuk Time Warner, Disney Capitol Cities, Bertelsman, Viacom dan News Corporation. Oleh itu kuasa media untuk membentuk dunia terletak di atas pertimbangan beberapa korporat global dari barat yang sebenarnya mampu menguasai nilai sosial dan nilai budaya, ekonomi dan politik di dunia.

23. Malangnya konsep globalisasi dalam sistem penyiaran berupaya memperkenalkan rakyat kita kepada industri media dan maklumat yang terlalu bersifat komersial. Revolusi Digital di peringkat global mungkin mencetuskan antara lain:

*Revolusi Sosial - wujudnya bentuk masyarakat baru akibat daripada perpecahan institusi tradisional mobiliti kehidupan moden yang semakin meluas seperti komuniti maya atau perkembangan bentuk identiti baru;

* Revolusi Kebudayaan - idea yang bebas bergerak dan tidak lagi terikat dalam kawalan pengawal tradisional.

*Revolusi Global - jatuhnya benteng antara budaya kerana potensi komunikasi media digital.

24. Dengan demikian kita perlu merenungi peranan yang bakal dimainkan oleh industri media terutama media di negara kita yang tentunya menjadi paksi utama dalam semua aspek kehidupan budaya kontemporari. Produk budaya dalam zaman digital, zaman maklumat, era siber atau era internet atau abad pengetahuan atau apa saja istilah yang digunakan memberi kesan terhadap kehidupan harian rakyat.

25. Sekali lagi saya berharap warga kerja TV3 secara amnya komited untuk mencapai matlamat pembinaan bangsa Malaysia. Usaha ini tidak dapat dilakukan oleh kumpulan kecil dan dengan sekelip mata, penyertaan semua pihak di stesen ini amat diperlukan untuk menjadikan impian ini satu kenyataan.

26. Akhir sekali kepada yang berjaya memenangi anugerah pada malam ini saya ucapkan syabas dan tahniah, kepada yang tidak berjaya, jangan berputus asa, cuba lagi tahun depan.

Terima kasih.